

22 JUN 2003

Mahathir-Langkawi (Bergambar)

DR MAHATHIR DI LANGKAWI TINJAU PEMBANGUNAN

LANGKAWI, 22 Jun (Bernama) -- Ketika ramai yang menjangkakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berehat sehari selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno semalam, rupa-rupanya beliau berada di sini hari ini untuk meninjau pelbagai projek pembangunan di pulau peranginan ini.

Perdana Menteri tiba malam tadi sejurus selepas perhimpunan itu tamat, dan pagi ini, memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda untuk melihat kemajuan beberapa projek di sekitar Langkawi.

Pada sidang media semalam, Dr Mahathir yang ditanya tentang apakah yang hendak dilakukannya selepas perhimpunan agung itu, menjawab : "Rehat, jadi jangan ganggu saya esok."

Hari ini, semasa bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini hari ini, Dr Mahathir berkata beliau yakin semua projek yang dilaksanakan di Langkawi akan tetap berjalan dengan baik selepas beliau berundur Oktober ini.

Perdana Menteri berkata pengganti beliau nanti sudah tentu akan memberi tumpuan terhadap projek-projek yang sedang berjalan bagi memastikan kejayaannya dalam usaha menjadikan Langkawi pulau pelancongan yang popular di peringkat antarabangsa.

Katanya beliau berusaha bukan saja untuk memajukan pulau Langkawi tetapi juga kawasan lain seperti Pulau Tioman.

"Tumpuan diberikan terhadap Langkawi kerana ia sangat berpotensi untuk menarik pelancong dalam dan luar negara," katanya.

Kepada soalan sama ada beliau mempunyai idea lagi bagaimana hendak memajukan pulau itu, Dr Mahathir berkata: "Idea baru bagi kat orang lain."

Ditanya sama ada beliau akan terus melawat pulau itu selepas bersara nanti, Dr Mahathir berkata beliau sudah pasti akan tetap datang, dan pastinya ketika itu untuk berehat sepenuhnya.

"Saya tentu akan melawat Langkawi selepas bersara sebab saya nak berehat macam orang lain juga," katanya.

Antara kawasan yang dilawati Dr Mahathir hari ini adalah projek Harbour Park Langkawi di Teluk Burau, projek berkonsepkan Mediterranean bernilai RM40 juta yang mempunyai sebuah marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar selain kemudahan hotel dan kawasan perumahan.

Perdana Menteri kemudian meninjau kemajuan pembinaan dua blok baru Galeria Perdana di Jalan Ayer Hangat.

Blok baru berkenaan mula dibina Februari tahun lepas dan dijadual siap hujung tahun ini. Ia bakal menempatkan surau, kedai cenderahati, kafeteria dan kemudahan makmal serta sebuah auditorium yang mempunyai 150 tempat duduk.

Pembinaan blok baru itu juga membolehkan cenderahati yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri dipamerkan secara lebih menarik dan teratur.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menikmati jamuan tengah hari di atas sebuah kapal yang berlabuh di Wavemaster Langkawi di Tanjung Lembong.

Wavemaster itu merupakan pusat membaiki dan membaik pulih kapal mewah dan kapal layar.

-- BERNAMA

MZM MAI